

19 OCT 2000

Asem-WTO

KL JADI TUAN RUMAH PERSIDANGAN PEMUDAHAN PERDAGANGAN

Oleh: E. Sivabalan

SEOUL, 19 Okt (Bernama) -- Malaysia akan menjadi tuan rumah Persidangan Pemudahan Perdagangan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sebagai sebahagian daripada pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala bagi memastikan kepentingan negara membangun tidak diketepikan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia diberi tanggungjawab bersama dengan Kesatuan Eropah untuk menganjurkan persidangan ini sebagai sebahagian daripada pusingan baru rundingan.

"Bagi Malaysia, pandangan kita sudah sedia dimaklumi bahawa kita mahu melihat kepentingan negara membangun tidak dibiarkan begitu sahaja dan faktor yang tidak berkaitan janganlah dimasukkan bagi tujuan mana-mana rundingan perdagangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita Malaysia setibanya di sini untuk menghadiri mesyuarat persediaan peringkat menteri bagi Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) ketiga di sini, esok.

Syed Hamid berkata negara kaya telah mengenakan tekanan untuk memasukkan isu-isu bukan perdagangan ke dalam pusingan baru perbincangan WTO seperti standard buruh, faktor alam sekitar dan hak asasi manusia, katanya.

Bagaimanapun, negara membangun melihat tekanan ini sebagai satu cara untuk mengambil kesempatan daripada kelemahan mereka dan merasakan isu yang tidak berkait dengan perdagangan sepatutnya dibawa ke forum yang lebih sesuai seperti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Beliau bagaimanapun tidak dapat menyatakan bila persidangan di Kuala Lumpur itu akan diadsakan.

Beliau berkata persidangan itu akan menjadi antara inisiatif baru untuk diguna pakai dalam Kenyataan Pengerusi Asem.

Berdasarkan kepada draf Kenyataan Pengerusi itu, pemimpin-pemimpin dijangka mengulangi betapa pentingnya sistem dagangan pelbagai hala berasaskan peraturan itu untuk menggalakkan pertumbuhan dan kemakmuran glonal serta memenuhi cabaran globalisasi.

Mereka dijangka mengukuhkan komitmen bersama untuk mendapatkan keputusan sebulat suara bagi melancarkan secepat mungkin pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala, katanya.

Beliau berkata agenda rundingan itu sepatutnya dikembangkan bagi mencerminkan keseluruhan sambutan kepada kepentingan semua anggota WTO.

Dokumen itu menyatakan pemimpin-pemimpin bersetuju keperluan pembangunan negara membangun dan negara kurang membangun sepatutnya "ditangani dengan betul menerusi peluang kemasukan pasaran yang semakin meningkat dan mengukuhkan pembinaan kapasiti bagi persediaan mengendalikan pusingan baru itu".

Mereka juga dijangka bersependapat bahawa hasil yang lebih bermakna dan lebih seimbang dalam tempoh masa yang bersesuaian boleh dicapai jika rundingan dikendalikan sebagai sebahagian daripada satu pusingan baru.

Asem terdiri daripada tujuh negara Asean iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Tiga lagi negara anggota Asean -- Kemboja, Laos dan Myanmar -- belum menjadi sebahagian daripada Asem.

China, Jepun dan Korea Selatan adalah anggota Asem lain dari bahagian Asia manakala anggota Eropah adalah Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greek, Ireland, Itali, Luxemburg, Belanda, Portugal, Sepanyol, Sweden, United Kingdom dan Suruhanjaya Eropah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual tiba di sini lewat hari ini untuk menghadiri Asem selama dua hari yang dianjurkan oleh Korea Selatan.

Syed Hamid berkata cara terbaik untuk berurusan dengan isu-isu WTO adalah dengan mengadakan persidangan bagi membolehkan pihak-pihak dari Asia dan Eropah mempertimbangkan perkara itu dan melahirkan beberapa perjanjian.

"Oleh itu dalam pusingan baru rundingan, kita boleh menyampaikan pandangan yang mungkin lebih boleh diterima," katanya.

Apabila ditanya mengenai pandangan Malaysia terhadap cadangan Korea Selatan bagi Meja Bulat Asem untuk Globalisasi di Seoul, Syed Hamid berkata Malaysia sentiasa konsisten dengan isu itu.

"Kita telah memperkatakan tentang aspek negatif globalisasi dan bahawa jika kita tidak begitu bersedia, kita akan ditenggelami oleh proses ini. Negara membangun masih berada dalam kedudukan yang merugikan," katanya.

Syed Hamid juga berkata Malaysia akan bekerjasama dengan United Kingdom dalam menganjurkan persidangan peringkat antarabangsa mengenai HIV/Aids.

"Ini juga adalah inisiatif baru oleh Asem. HIV/Aids adalah masalah serius di seluruh dunia," katanya.

Beliau juga berkata kemajuan projek Universiti Asia-Eropah di Universiti Malaya, Kuala Lumpur sedang berjalan lancar.

-- BERNAMA

ES MR ZK MA NMO